

Setiap kita adalah cermin kecil bagi Allah untuk mencari refleksi-Nya.

- Sto. John Vianney



Bacaan Injil Harian:

Yes 42: 1-4, 6-7

Maz 29: 1-4, 9-10

Kis 10: 34-38

Mat 3: 13-17

Perkataan
mingguan
Kita tahu bahawa
kita tidak
sendirian

Bagaimanapun, mari kita mulakan renungan kita dengan ini; 'Kerana begitu besar kasih Allah akan dunia ini sehingga Ia telah mengaruniakan Anak-Nya yang tunggal, supaya setiap orang yang percaya kepada-Nya tidak binasa, melainkan beroleh hidup yang kekal.' [Yoh 3:16]

Kerana cintakasih yang besar, Allah mengutus Puteranya yang tidak berdosa untuk tinggal bersama kita, dan dengan melakukan ini, Dia mengenal dosa kita. Menurut Paus Fransiskus, dengan mengambil bentuk daging manusia dalam dunia yang 'ditandai oleh banyak perkara, baik dan buruk, ditandai oleh perpecahan, kejahatan, kemiskinan, kesombongan dan peperangan,' Yesus ingin membawa rahmat Allah kepada dunia.

Pembaptisan Yesus mendapat pujian Bapa apabila suara dari surga berseru, 'Inilah Anak-Ku yang dikasihi, kepada-Nyalah Aku berkenan.' Kejadian ini merupakan manifestasi Tritunggal Kudus, bila mana Roh Kudus turun ke atas Yesus. Ia juga membuktikan bahawa Yesus Putera Allah. Ia juga merupakan tanda bagi Yesus untuk memulakan pelayanan-Nya secara umum.

Dalam mendahului perjalanan kita, ratusan tahun sebelum kedatangan Yesus, Allah berfirman melalui Yesaya (42:1-6). Mesias akan datang sebagai hamba, untuk melayani dan menderita, untuk membawa keadilan, belas kasihan dan penyembuhan. Dalam Lukas 4:18, Yesus memperkenalkan diri-Nya sebagai orang yang diurapi yang telah diutus untuk menyampaikan khabar baik kepada orang miskin, memulihkan penglihatan kepada orang buta dan membebaskan tawanan.

Bagaimanakah kita mengaitkan Pembaptisan Yesus dengan pembaptisan kita sendiri?

Katekismus mengajar kita bahawa 'melalui pembaptisan kita dibebaskan dari dosa dan dilahirkan semula sebagai putera-puteri Allah. Kita menjadi anggota Kristus, dimasukkan ke dalam gereja dan ikut serta dalam perutusannya.' (KKG. 1213).

Ini adalah tanda yang kekal yang tidak akan terpadam! Allah mengenal kita sebagai anak-anak yang dikasihi. Kita mengalami proses pertobatan dan pematangan dalam usaha untuk menghidupi janji baptis kita. Dengan Roh Allah yang menaungi kita, kita tahu bahawa kita tidak sendirian. Allah menghantar Putera-Nya untuk membawa seluruh dunia kepada-Nya, dan kita ikut serta dalam perutusannya. Kita dibaptis - diutus dengan sukacita dengan membawa anugerah penyembuhan Kristus kepada semua. †

12 JANUARI 2020

Newbec

NEW WAY OF BEING CHURCH


Pesta Pembaptisan Tuhan

DIUTUS DENGAN KEGEMBIRAAN UNTUK MENYEMBUH

TEMA BULANAN:

MEMBUKA HATI DAN MATA KITA

Allah Berjalan Mendahului Kita



Mengapa Yesus meminta untuk dibaptis oleh Yohanes, terutama dalam konteks pertobatan? Ahli teologi telah memberikan alasan yang munasabah tetapi kita mungkin masih tidak memahami logiknya.

